

22/10/2003

Dr M beri syarat ke Israel perjelas kenyataan

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedia pergi ke Tel Aviv jika pemimpin Yahudi terlebih dulu melawat negara Islam untuk menerangkan mengapa mereka mengecam umat Islam sebagai pengganas.

"Saya berpendapat syarat saya itu adalah adil," katanya pada sidang media selepas berakhirnya sidang kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya oleh seorang wartawan Israel, sama ada beliau sanggup mengunjungi Israel untuk menjelaskan kenapa beliau membuat kenyataan tertentu terhadap Yahudi pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lalu.

Dr Mahathir berkata: "Selepas pemimpin Yahudi melawat negara Islam menerangkan kenapa mereka mengecam orang Islam sebagai pengganas, saya akan pergi ke Tel Aviv untuk menjelaskan kenapa saya membuat kenyataan berkenaan."

Ditanya apakah yang akan dikatakan beliau untuk menjelaskan ucapannya di OIC itu, beliau berkata, ucapannya itu adalah jelas.

"Saya berkata Yahudi mempunyai seluruh dunia di belakang mereka sehingga mereka boleh menidakkan PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

"Ini bermakna mereka sudah menjadi kuasa dunia," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga ditanya oleh wartawan Australia mengenai hubungannya dengan beberapa Perdana Menteri Australia yang kurang akrab.

Perdana Menteri berkata: "Saya tidak boleh dipersalahkan mengenai perkara itu.

"Terdapat kecenderungan pada Perdana Menteri Australia untuk membuat kenyataan tidak manis, seperti memanggil saya degil (recalcitrant).

"John Howard (Perdana Menteri Australia sekarang), ada menyatakan sesuatu macam itu, seperti mempertikaikan sistem keadilan kita, seolah-olah kita tidak memahami undang-undang, layanan adil dan keadilan.

"Hakikatnya kita ada sejarah yang baik mengenainya (melaksanakan keadilan). Sebagai contoh kita tidak menembak mati Orang Asli kita (merujuk kepada sejarah Australia yang menindas penduduk aslinya)," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, jika seseorang mahu mengkritik orang lain, mereka perlulah terlebih dulu menyemak latar belakang dirinya sendiri.

"Jika mahu kritik selitkanlah sikap merendah diri supaya dapat menjaga hubungan baik," kata beliau yang menganggap Malaysia tidak ada masalah dengan rakyat Australia yang ramai mengunjungi negara dan disambut dengan baik.

Ditanya mengenai pertemuan dua halanya dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, semalam, Perdana Menteri berkata, beliau menghargai 'diplomasi Thaksin'.

Katanya, Perdana Menteri Thailand itu mahu mengadakan hubungan baik dengan semua jirannya, sehingga sanggup mengadakan mesyuarat Kabinet bersama dengan jiran.

"Ini adalah diplomasi baru, Diplomasi Thaksin, perkembangan yang baik di rantau ini," katanya.

Malaysia sudah mengadakan mesyuarat bersama Kabinet dengan Thailand dan Dr Mahathir berkata, Thaksin akan menawarkan mesyuarat seumpamanya dengan jiran lain.

Dr Mahathir yang tiba di sini Ahad lalu berlepas ke Jogjakarta, Indonesia sejurus selepas sidang media itu.

